

# **PERSEPSI PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS ILMU KHAS TERHADAP ISU HUBUNGAN SEKSUAL MASA KINI**

*Mustapha Kamal Ahmad Kassim, Azhar Mahmud, Saharudin Suhadi,  
Lim Siew Geck, Siti Hawa Hashim & Rose Maria Ira Jailani*

## **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas terhadap hubungan seksual. Kajian ini penting kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) kerana melalui kefahaman terhadap hubungan seksual, pelajar dapat mengawal dan menghindarkan diri daripada melanggari tata tertib dan disiplin di kampus dan juga perundangan agama. Kajian ini melibatkan soal selidik terhadap 235 pelajar yang terdiri daripada 64 orang lelaki dan 171 orang perempuan. Mereka merupakan pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Data tinjauan soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences atau Paket Statistik untuk Ilmu Sosial (SPSS) versi 19. Tiga aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah persepsi pelajar IPG Kampus Ilmu Khas terhadap hubungan seksual, persepsi pelajar terhadap faktor-faktor yang mendorong berlakunya hubungan seksual dan persepsi pelajar terhadap kesan-kesan amalan hubungan seksual bebas. Hasil kajian ini mendapati pelajar mengetahui bahawa hubungan seksual bebas adalah ditegah kecuali mereka yang telah mempunyai ikatan perkahwinan. Pelajar juga mengetahui faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seksual bebas iaitu kemudahan mengakses laman sesawang, pornografi dan menonton video lucah, menyumbang kepada amalan seks bebas dan kerana tiada penghayatan nilai-nilai agama dalam kehidupan seharian. Pelajar juga mengetahui kesan amalan seks bebas boleh mendatangkan pelbagai penyakit yang sukar diubati seperti AIDS, Siplis, Gonorea, Herpes, Vaginitis dan sebagainya. Seterusnya terdapat beberapa cadangan untuk memastikan hubungan seksual bebas ini difahami dengan jelas oleh pelajar dengan menyusun aktiviti berkaitan seperti Program Tutorial Besar, Santapan Rohani, peranan Exco Kerohanian Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP), Unit Bimbingan dan Kaunseling dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) serta kerjasama daripada pelbagai pihak di IPG Kampus Ilmu Khas.*

**Kata kunci:** *Hubungan seksual dan IPG.*

## **Pengenalan**

Fitrah manusia terhadap seks adalah suatu yang terpendam dalam diri manusia yang terbentuk sejak seseorang itu dilahirkan. Ianya dikenali sebagai nafsu syahwat iaitu suatu kekuatan pendorong hidup yang dimiliki oleh manusia secara semulajadi dan merupakan kekuatan naluri yang paling dominan. Pengetahuan mengenai perkembangan seksualiti adalah penting untuk kesejahteraan dan perkembangan remaja secara positif dan sihat (Shariza, 2010).

Secara fitrahnya naluri seks manusia berkembang dalam usia yang tertentu iaitu bagi lelaki, naluri tersebut timbul dalam lingkungan 16 tahun manakala perempuan dalam

lingkungan 12 tahun. Ini menunjukkan dorongan seks dalam kehidupan manusia memuncak pada zaman remaja (Shariza, 2010).

Remaja yang merupakan golongan pelajar di institusi pendidikan seperti di sekolah, Institut Pendidikan Guru mahu pun di premis yang berlainan merupakan tonggak dan tiang negara seharusnya memiliki kekuatan fizikal, mental, rohani dan psikologi dalam mengharungi alam kehidupan. Mereka sewajarnya melengkapkan dan menyempurnakan diri mengenai aspek-aspek di atas agar menjadi insan yang berilmu, berketrampilan, proaktif dan dinamik supaya dapat membantu dan menyumbang kepada pembangunan Negara (Cheong, 2008).

### **Latar Belakang Masalah**

Isu hubungan seksual bebas dalam kalangan pelajar semakin membimbangkan. Justeru, beberapa kajian mengenai isu ini telah dijalankan antaranya ialah kajian mengenai hubungan seksual di kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi di negara telah dilakukan oleh Farahwahida dan Noazila (2011) yang bertajuk Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks. Kajian yang dijalankan bagi mengenal pasti pandangan pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah seks bebas yang berlaku di kalangan pelajar IPTA serta faktor-faktor yang mendorong berlakunya masalah seks bebas. Dapatkan kajian mendapati persepsi pelajar terhadap amalan seks bebas adalah tinggi dengan nilai min 4.69. Manakala persepsi pelajar terhadap langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah seks bebas yang berlaku dalam kalangan pelajar IPTA, min adalah sederhana iaitu 3.34. Seterusnya faktor utama berlakunya amalan seks bebas dalam kalangan pelajar IPTA ialah media massa dengan nilai min 3.96 (Farahwahida & Noazila, 2011).

Seterusnya kajian lain mengenai isu ini turut dijalankan oleh Cheong (2008) yang bertajuk Persepsi Pelajar Terhadap Pendidikan Seks di Sekolah: Satu Tinjauan di Kalangan Pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan, UTM. Kajian ini memberi fokus terhadap beberapa faktor iaitu jantina, bangsa, umur, kursus dan agama yang melibatkan 130 orang pelajar Tahun 4. Dapatkan kajian menunjukkan tiada terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap pendidikan seks di sekolah. Begitu juga hasil kajian ANOVA sehala menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi pelajar yang berlainan agama terhadap pendidikan seks di sekolah. Keseluruhannya tahap persepsi responden terhadap pendidikan seks di sekolah adalah pada tahap sederhana (Cheong, 2008).

Terdapat juga kajian yang dijalankan untuk menangani masalah seksual bebas iaitu "Pendidikan seksual dalam menangani permasalahan seksual mahasiswa di IPT : Satu Tinjauan Kaunseling" yang telah dilakukan oleh Hushim, Che Ruzana dan Rosni (2006). Kajian ini merupakan kertas kerja konsep yang membincangkan fenomena permasalahan seksual remaja terutamanya mahasiswa IPT dari segi sebab dan akibat, keperluan kepada pendidikan seks dan sejauh mana pendekatan kaunseling boleh diaplikasikan oleh kaunselor dalam menangani permasalahan ini (Hushim, Che Ruzana dan Rosni, 2006).

### **Pernyataan Masalah**

Bilangan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) terdiri daripada 965 orang pelajar pengajian sepenuh masa (*sehingga 3 Julai 2013*). Nisbah di antara pelajar lelaki dengan perempuan adalah tidak seimbang iaitu 30 peratus lelaki manakala 70 peratus perempuan. Hubungan di antara pelajar lelaki dengan perempuan adalah berada dalam kawalan disiplin dan tidak melewati batas-batas pergaulan menurut kehendak agama Islam dan peraturan yang telah ditetapkan oleh IPG Kampus Ilmu Khas.

Namun demikian, terdapat segelintir pelajar yang melanggar peraturan seperti kerap berdua-duan tanpa sebab yang munasabah di tempat-tempat yang tertentu dalam kawasan kampus atau di luar kampus. Hal ini merupakan bibit-bibit awal ke arah hubungan yang tidak beradab dan melanggar peraturan agama dan institut. Oleh itu penyelidik bertanggungjawab menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar dari segi kefahaman pelajar tentang isu hubungan seksual, faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seks bebas dan kesan-kesan amalan seks bebas. Justeru, kajian mengenai isu ini penting dijalankan agar ianya dapat dibendung dari peringkat yang lebih awal lagi sebelum ianya berlarutan kepada tahap yang tidak memberangsangkan kepada semua warga institut pada masa akan datang.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk :

- i. Mengenal pasti persepsi pelajar IPG Kampus Ilmu Khas terhadap hubungan seksual.
- ii. Mengenal pasti persepsi pelajar IPG Kampus Ilmu Khas terhadap faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seks bebas.
- iii. Mengenal pasti persepsi pelajar IPG Kampus Ilmu Khas terhadap kesan-kesan amalan seks.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan kajian ini ialah :

- i. Apakah persepsi pelajar IPG Kampus Ilmu Khas terhadap hubungan seksual?
- ii. Apakah persepsi pelajar IPG Kampus Ilmu Khas Guru terhadap faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seks bebas?
- iii. Apakah persepsi pelajar IPG Kampus Ilmu Khas terhadap kesan-kesan amalan seks?

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan dengan mengedarkan soal selidik kepada para pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG Kampus Ilmu Khas. Kajian ini adalah satu metod untuk mengumpul maklumat dengan bertanya satu set soalan kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang hendak dikaji. Ia juga sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai personaliti, pandangan, tingkah laku atau sikap orang awam secara meluas dari satu kelompok yang besar (Sabitha, 2009).

### **Sampel Kajian**

Sampel kajian ini adalah sampel bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan 235 orang pelajar PISMP yang terdiri daripada 64 orang pelajar lelaki dan 171 orang pelajar perempuan.

## Instrumen Pengumpulan Data

Instrumen kajian ini menggunakan satu set soal selidik kepada pelajar PISMP. Penyelidik membina instrumen soal selidik berdasarkan objektif kajian ini, soalan kajian ini, kajian-kajian lepas yang berkaitan dan literatur berkaitan dengan tajuk ini. Sekiranya mengambil soal selidik pengkaji lain hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu. Setiap item yang terdapat dalam soal selidik hendaklah tidak memberi kesan mental dan fizikal responden menjawabnya (Chua, 2006). Soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan latar belakang responden dari segi jantina, agama, bangsa, umur dan pendidikan menengah terakhir. Manakala bahagian B pula, terdiri daripada 13 pernyataan yang menggunakan lima skala likert iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju bagi menjawab tiga objektif kajian ini.

## Analisis Data

Penyelidik menganalisis data menggunakan perisian program SPSS versi 19. Data yang diperolehi daripada jawapan soal selidik responden akan dimasukkan dalam perisian tersebut. Seterusnya penyelidik akan membuat analisis deskriptif dengan mendapatkan kekerapan (peratus) bagi setiap pernyataan yang dikemukakan untuk menjawab objektif kajian dan soalan kajian.

### Dapatan Kajian

Dapatan kajian di bawah ini akan dibincangkan satu persatu berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

#### Latar Belakang Responden Mengikut Jantina

Jadual 1

*Latar Belakang Responden Mengikut Jantina*

Jantina	Bilangan (Kekerapan)	Peratus (%)
Lelaki	64	27.2
Perempuan	171	72.8
Jumlah	235	100.0

Jadual 1 menunjukkan taburan skor dan peratusan responden mengikut jantina. Jumlah keseluruhan responden adalah 235 orang. Seramai 64 responden terdiri daripada pelajar lelaki iaitu 27.2% dan 171 responden adalah perempuan dengan peratusan 72.8. Ini menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki.

## **Latar Belakang Responden Mengikut Agama**

Jadual 2

### *Latar Belakang Responden Mengikut Agama*

Agama	Bilangan (Kekerapan)	Peratus (%)
Islam	88	37.4
Budha	48	20.4
Hindu	48	20.4
Kristian	50	21.3
Lain-lain	1	0.4
Jumlah	235	100.0

Jadual 2 menunjukkan latar belakang responden mengikut agama. Jumlah keseluruhan responden adalah 235 orang. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 88 responden (37.4%) beragama Islam diikuti responden beragama Budha dan Hindu masing-masing seramai 48 orang (20.4%). Sementara itu 50 responden (21.3%) yang lain terdiri daripada responden yang beragama Kristian. Ini menunjukkan jumlah responden tertinggi adalah beragama Islam.

## **Latar Belakang Responden Mengikut Bangsa**

Jadual 3

### *Latar Belakang Responden Mengikut Bangsa*

Bangsa	Bilangan (Kekerapan)	Peratus (%)
Melayu	80	34.0
Cina	65	27.7
India	53	22.6
Lain-lain	37	15.7
Jumlah	235	100.0

Jadual 3 menunjukkan latar belakang responden mengikut bangsa. Jumlah keseluruhan responden adalah 235 orang. Berdasarkan jadual tersebut, seramai 80 responden (34.0%) adalah bangsa Melayu diikuti responden bangsa Cina seramai 65 orang (27.7%). Sementara itu 53 responden (22.6%) yang lain terdiri daripada responden bangsa India dan lain-lain bangsa seramai 37 orang dengan peratusan 15.7. Ini menunjukkan jumlah responden tertinggi adalah bangsa Melayu.

## **Latar Belakang Responden Mengikut Umur**

Jadual 4

### *Latar Belakang Responden Mengikut Umur*

Umur	Bilangan (Kekerapan)	Peratus (%)
18 – 20 tahun	159	67.7
21 – 23 tahun	27	11.5
Lain-lain	49	20.8
Jumlah	235	100.0

Jadual 4 menunjukkan taburan umur responden. Didapati 159 responden (67.7%) berumur 18 hingga 20 tahun dan 27 responden (11.5%) berumur 21 hingga 23 tahun. Sedangkan 49 responden yang lain iaitu 20.8% berumur lebih 23 tahun. Manakala jumlah keseluruhan responden ialah 235 orang. Ini menunjukkan majoriti responden berumur sekitar 18 hingga 20 tahun iaitu dalam kategori remaja yang sedang meningkat dewasa.

### **Latar Belakang Responden Mengikut Pendidikan Menengah Terakhir**

Jadual 5

#### *Latar Belakang Responden Mengikut Pendidikan Menengah Terakhir*

Pendidikan Menengah	Bilangan (Kekerapan)	Peratus (%)
Sek. Men. Kebangsaan	158	67.2
Sek. Men. Agama	12	5.1
Sek. Jenis Kebangsaan	17	7.2
Sek. Berasrama Penuh	22	9.4
Lain-lain	26	11.1
Jumlah	235	100.0

Jadual 5 menunjukkan latar belakang responden mengikut pendidikan menengah terakhir. Berdasarkan jadual tersebut didapati 158 responden (67.2%) dari Sekolah Menengah Kebangsaan, diikuti 12 responden (5.1%) dari Sekolah Menengah Agama dan 17 responden (7.2%) dari Sekolah Jenis Kebangsaan. Sementara responden dari Sekolah Berasrama Penuh terdapat 22 orang (9.4%). Manakala 26 responden (11.1%) lagi adalah dari lain-lain sekolah. Jumlah keseluruhan responden ialah 235 orang. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mendapat pendidikan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan.

### **Persepsi pelajar IPG KIK terhadap hubungan seksual**

Jadual 6 menunjukkan maklumat keseluruhan bagi 9 item yang berkaitan dengan persepsi pelajar IPG Kampus Ilmu Khas terhadap hubungan seksual. Item 1 yang mendapat min tertinggi iaitu "hubungan seks hanya boleh dilakukan oleh pasangan yang telah berkahwin sahaja" sebanyak 4.74. Item kedua yang memperolehi min kedua tertinggi ialah "hubungan seks luar nikah merupakan perbuatan yang salah di sisi undang-undang dan agama" iaitu 4.73. Item seterusnya iaitu "seseorang yang belum bernikah tidak boleh melakukan hubungan seks walaupun untuk membuktikan rasa cinta pada pasangan" memperolehi min 4.62. Diikuti item "sesiapa pun tidak boleh melakukan seks bebas walaupun ia adalah hak peribadi" memperolehi min 4.61. Item "seks bebas juga dikenali sebagai persetubuhan haram atau zina" pula memperolehi min 4.55. Seterusnya item "hubungan seks antara lelaki dan perempuan yang dilakukan tanpa ikatan perkahwinan disebut sebagai seks bebas" memperolehi 4.47. Item "seks bebas merupakan suatu perbuatan yang menyimpang dalam penyaluran keinginan seks secara fitrah iaitu berkahwin" memperolehi min 4.31. Manakala item kedua terendah min ialah "hubungan seks tidak boleh dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin tetapi saling mencintai" memperolehi 4.22. Min yang terendah sebanyak 3.96 ialah item "hubungan seks tidak boleh dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin tetapi mengikat janji untuk berkahwin". Nilai min keseluruhan bagi persepsi pelajar IPGKIK terhadap hubungan seksual ialah 4.47.

Jadual 6

*Dapatan Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Hubungan Seksual*

Pernyataan	Positif		Neutral		Negatif		Min
	K	%	K	%	K	%	
Hubungan seks hanya boleh dilakukan oleh pasangan yang telah berkahwin sahaja.	222	94.4	10	4.3	3	1.3	4.74
Hubungan seks tidak boleh dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin tetapi mengikat janji untuk berkahwin.	165	70.2	23	9.8	47	20.0	3.96
Hubungan seks tidak boleh dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin tetapi saling mencintai.	190	80.8	9	3.8	36	15.3	4.22
Hubungan seks antara lelaki dan perempuan yang dilakukan tanpa ikatan perkahwinan disebut sebagai seks bebas.	203	86.4	17	7.2	15	6.4	4.47
Seks bebas juga dikenali sebagai persetubuhan haram atau zina.	207	88.1	17	7.2	11	4.7	4.55
Seks bebas merupakan suatu perbuatan yang menyimpang dalam penyaluran keinginan seks secara fitrah iaitu berkahwin.	190	80.9	29	12.3	16	6.8	4.31
Hubungan seks luar nikah merupakan perbuatan yang salah di sisi undang-undang dan agama.	222	94.5	9	3.8	4	1.7	4.73
Seseorang yang belum bernikah tidak boleh melakukan hubungan seks walaupun untuk membuktikan rasa cinta pada pasangan.	213	90.6	11	4.7	11	4.7	4.62
Sesiapa pun tidak boleh melakukan seks bebas walaupun ia adalah hak peribadi.	208	88.5	21	8.9	6	2.5	4.61
Nilai Min Keseluruhan							4.47

## **Persepsi pelajar terhadap faktor yang mendorong berlakunya amalan seksual bebas**

Jadual 7

*Dapatan Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Faktor Yang Mendorong Berlakunya Amalan Seksual Bebas*

Pernyataan	Positif		Neutral		Negatif		Min
	K	%	K	%	K	%	
Kemudahan mengakses laman sesawang pornografi dan menonton video lucu menyumbang kepada seks bebas.	214	91.1	14	6.0	7	3.0	4.60
Hubungan seks bebas berlaku akibat tiada penghayatan nilai-nilai agama dalam kehidupan seharian.	209	88.9	14	6.0	12	5.1	4.56
Nilai Min Keseluruhan							4.58

Jadual 7 adalah menunjukkan maklumat keseluruhan bagi dua item yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seksual bebas. Faktor pertama ialah faktor kemudahan mengakses laman sesawang pornografi dan menonton video lucu menyumbang kepada seks bebas, peratusnya 91.1 dan min 46.0. Manakala faktor kedua ialah hubungan seks bebas berlaku akibat tiada penghayatan nilai-nilai agama dalam kehidupan seharian peratusnya ialah 88.9 dan minnya ialah 4.56. Nilai min keseluruhan bagi faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seksual bebas ialah 4.58.

## **Persepsi Pelajar Terhadap Kesan-Kesan Amalan Seksual Bebas**

Jadual 8

*Dapatan Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Kesan-kesan Amalan Seksual Bebas*

Pernyataan	Positif		Neutral		Negatif		Min
	K	%	K	%	K	%	
Pengamalan seks bebas boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti AIDS, Siflis, Gonorea, Herpes, Vaginitis dan sebagainya.	223	94.9	8	3.4	4	1.8	4.74
Seks bebas akan menjurus kepada keruntuhan institusi keluarga dan peningkatan kadar pengguguran kandungan dan pembuangan bayi.	224	95.3	9	3.8	2	0.8	4.71
Nilai Min Keseluruhan							4.72

Jadual 8 menunjukkan dapatan kajian mengenai persepsi pelajar terhadap kesan-kesan amalan seksual bebas. Item 1 ialah “pengamalan seks bebas boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti AIDS, Siflis, Gonorea, Herpes, Vaginitis dan sebagainya” yang memperolehi min 4.74. Manakala item kedua pula ialah “seks bebas akan menjurus kepada keruntuhan institusi keluarga dan peningkatan kadar pengguguran kandungan dan

pembuangan bayi” memperolehi 4.71. Nilai min keseluruhan bagi persepsi pelajar terhadap kesan-kesan amalan seks bebas ialah 4.72.

### **Perbincangan, Implikasi dan Cadangan**

Sub topik ini menjelaskan perbincangan dapatan kajian dengan objektif kajian serta beberapa implikasi terhadap kajian ini.

#### **Perbincangan**

Persepsi pelajar IPG Kampus Ilmu Khas terhadap hubungan seksual jelas menunjukkan mereka mengetahui bahawa ianya ditegah. Ianya diharamkan sekiranya pasangan tersebut belum ada lagi ikatan pernikahan yang sah. Para pelajar juga memahami bahawa seks bebas adalah merupakan zina yang ditegah dalam agama Islam dan juga agama-agama lain di atas mukabumi ini serta ianya menyalahi perundangan, walaupun pasangan yang melakukan hubungan seks itu saling mencintai dan ianya merupakan hak peribadi. Ini bertepatan dengan al-Quran dan As-Sunnah jelas mengharamkan perlakuan seks bebas (zina) sepertimana dalam Surah Al-Isra’ ayat 32, yang bermaksud :

*“Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya ianya adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk”.*

Jelas menunjukkan para pelajar IPG Kampus Ilmu Khas mengetahui faktor-faktor yang mendorong berlakunya amalan seksual bebas iaitu kemudahan mengakses laman sesawang, pornografi dan menonton video lucu, menyumbang kepada amalan seks bebas. Faktor kedua juga mendorong melakukan seks bebas adalah kerana tiada penghayatan nilai-nilai agama dalam kehidupan sehari-hari. Ini bersesuaian dengan faktor penyebab jenayah zina ialah kelemahan iman dalam diri seseorang (Faisal, 2010). Kelemahan iman juga berkaitan dengan tiada sifat ihsan di dalam diri seseorang muslim yang merasakan Allah sentiasa memerhati segala perbuatan manusia sama ada yang tersembunyi atau nyata.

Kesan amalan seks bebas juga diakui oleh para pelajar IPG Kampus Ilmu Khas iaitu boleh mendarangkan pelbagai penyakit yang sukar diubati seperti AIDS, Siplis, Gonorea, Herpes, Vaginitis dan sebagainya. Ini bertepatan dengan pandangan Abdullah Nasih Ulwan yang menjelaskan hubungan seks bebas mendedahkan seseorang itu terdedah kepada pelbagai penyakit AIDS, sifilis, gonorhea, syankroid dan lain-lain. (Abdullah Nasih Ulwan, 2003).

#### **Implikasi dan Cadangan**

Implikasi kajian ini terhadap para pelajar IPG Kampus Ilmu Khas ialah mereka mengetahui konsep seks bebas, faktor yang mendorong dan kesan-kesannya dalam kehidupan seseorang manusia. Oleh sebab itu semua pihak hendaklah bekerjasama memastikan isu ini tidak menular dalam institut ini.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan beberapa cadangan yang sepatutnya diberi perhatian iaitu:

- a) Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Bimbingan & Kaunseling dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) di IPGKIK sewajarnya menyusun perancangan aktiviti dalam Tutorial Besar, Santapan Rohani mengenai isu-isu pergauluan bebas agar para pelajar dapat mengenal pasti batasan pergauluan yang dibenarkan menurut agama Islam. Oleh itu aktiviti-aktiviti kerohanian yang dilaksanakan di surau adalah penting bertujuan untuk memberi pengisian rohani agar guru pelatih memiliki kekuatan rohani yang

- mampu mendepani cabaran semasa bertugas kelak (Zahiah & Mustapha Kamal, 2013).
- b) Memohon kerjasama Exco JPP Kerohanian dan AJK PGPI agar dapat melaksanakan kempen secara berkala dan berterusan sepanjang tahun seperti memasang kain sepanduk, notis peringatan, kertas edaran dan seumpamanya yang berkaitan dengan pergaulan dan seks bebas (Mohd Razman, 2014).
  - c) Memohon kerjasama semua pensyarah yang mendapati para pelajar yang bergaul bebas antara lelaki dan perempuan, hendaklah dinasihati atau memohon khidmat nasihat daripada pihak Unit Bimbingan & Kaunseling, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.

### Rumusan

Secara keseluruhannya, rumusan kajian ini ialah para pelajar hendaklah sentiasa mengikut semua peraturan yang telah ditetapkan dan aktiviti yang dianjurkan dalam kampus ini. Mereka juga hendaklah saling menasihati sesama rakan sejawat. Begitu juga semua pihak berkaitan seperti pentadbir, para pensyarah dan staf sokongan di kampus ini perlu bekerjasama memastikan para pelajar sentiasa berada dalam landasan yang betul bertepatan dengan agama Islam dan nilai-nilai sejagat.

### Rujukan

- Abdullah Naseh Ulwan. (2003). *Generasi muda Islam dan cabaran globalisasi*. Selangor: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Cheong Peck Chuan. (2008). *Persepsi pelajar terhadap pendidikan seks di sekolah: satu tinjauan di kalangan pelajar tahun 4*, Fakulti Pendidikan UTM, Skudai. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan, kaedah dan statistic penyelidikan*, Buku 1. Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Faisal Ahmad Shah. (2010). Jenayah zina menurut perspektif al-quran dan al-hadith. Dalam Mustaffa Abdullah & Faisal Ahmad Shah. *Kemelut peradaban remaja di Malaysia*. (pp. 79-102). Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Farahwahida Mohd Yusof & Noazila Sugiman. (2011). Persepsi pelajar institusi pengajian tinggi awam terhadap amalan seks. *Journal of Education Psychology & Counseling*. 1, 94-114.
- Hushim Salleh, Che Ruzana Che Din & Rosni Kadir. (2006). Pendidikan seksual dalam menangani permasalahan seksual mahasiswa di IPT : satu tinjauan kaunseling. *National Student Development Conference (NASDEC) 2006*, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Razman Abdul Radji (Exco Kerohanian Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas), dalam temubual dengan penulis, 20 Mac 2014
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan sains sosial, pendekatan pragmatik* (c. 2). Selangor:

Edusystem. Sdn. Bhd.

Shariza Said. (2010). Pendidikan seks untuk remaja bermasalah pembelajaran. retrieved Julai 2010.<http://jipipgkbm.blogspot.com.pendidikan-seks-untuk-remaja-bermasalah.html>.

Zahiah Haris @Harith & Mustapha Kamal Ahmad Kassim. (2013). Persepsi guru pelatih terhadap kepentingan aktiviti Surau Ta'dib Di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. *Tempawan Jurnal Penyelidikan*.(pp. 104-111) Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.